

Tubuh JKNCR tangani isu pengajian tinggi

Sinar m/s: 40
19/12/2014

BATU PAHAT – Naib Canselor dan Rektor institut pengajian tinggi awam (IPTA) akan menubuhkan satu sekretariat tetap Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) yang bakal berfungsi sebagai badan pemikir dan penasihat isu berkaitan yang berbangkit.

Pengerusinya, Profesor Datuk Dr Kamarudin Husin berkata, sekretariat berkenaan akan bertindak menjawab isu pendidikan tinggi dengan cepat berdasarkan fakta.

Katanya, ia penting bagi memastikan persepsi masyarakat berkaitan isu yang timbul berasaskan senario sebenar pengajian tinggi setelah mengambil kira fakta dan sumber.

“Kami sebulat suara ber-setuju agar sebuah jawatan kuasa ditubuhkan di mana ia memainkan peranan mengkaji dan menasihati isu dilaporkan pihak media.

“Ia bertujuan memberikan kefahaman kepada masyarakat dan memberikan fakta yang se-



KAMARUDIN

benar dan tidak terpesong dari maksud serta dasar kerajaan,” katanya ditemui di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Katanya, buat permulaan, sekretariat tetap itu akan bakal dianggotai ahli akademik atau pakar dalam bidang berkaitan secara pinjaman dan akan di-tempatkan di Kuala Lumpur.

“Dari aspek kewangan, kita akan memohon peruntukan awal daripada Kementerian Pendidikan dan peruntukan khas dari setiap IPTA,” katanya.